

NEGERI	KES	KEMATIAN
Perlis	144	0
Kedah	585	3
Pulau Pinang	1,133	4
Perak	1,708	5
Selangor	13,508	39
Kuala Lumpur/Putrajaya	3,373	5
Negeri Sembilan	1,368	7
Melaka	867	10
Johor	3,020	9
Pahang	1,080	1
Terengganu	807	1
Kelantan	2,700	9
Sarawak	3,501	13
Sabah	1,723	1
Labuan	16	0

* Angka kematian yang disahkan mengikut negeri setakat 18 September ialah 107 orang

Denggi kini wabak maut paling bahaya

Kosmo 07 OCT 2010 NIS 3

PUTRAJAYA - Denggi kini dikategorikan sebagai penyakit berjangkit paling berbahaya di negara ini selepas ia mengorbankan 205 nyawa sejak tahun lepas sehingga bulan lalu.

Jumlah korban setakat September lalu sahaja sudah 117 orang berbanding 88 nyawa sepanjang tahun lalu.

Daripada jumlah 117 mangsa itu, sebanyak 107 kes sudah disahkan lokasi tempat berlaku jangkitan.

Pengarah Bahagian Kawalan Penyakit Kementerian Kesihatan, Dr. Lokman Hakim berkata, Selangor mencatatkan kadar kematian dan kes

denggi tertinggi iaitu 39 korban daripada 13,508 kes denggi diikuti dengan Sarawak, Johor, Kuala Lumpur dan Putrajaya.

Menurutnya, angka kematian yang terus meningkat itu mencapai tahap yang sangat membimbangkan.

"Punca utama wabak ini merebak adalah kerana sikap pengotor sege-lintir masyarakat dalam menjaga persekitaran mereka sendiri," ujarnya pada sesi Taklimat Khas Situasi Denggi di Malaysia kepada media-massa di sini semalam.

Turut hadir pada taklimat tersebut

ialah Pengarah Bahagian Pendidikan Kesihatan Kementerian Kesihatan, Abdul Jabar Ahmad dan Pakar Perunding Perubatan Penyakit Berjangkit merangkap Ketua Jabatan Perubatan Hospital Sungai Buloh, Dr. Christopher KC Lee.

Lokman bimbang jika masyarakat tidak mengubah sikap, wabak denggi akan terus mengganas dan meragut lebih banyak nyawa.

"Pada tahun 2000 hanya 7,103 kes dilaporkan tetapi dalam tempoh sembilan bulan tahun ini, jumlah kes kini sudah berganda," katanya.